

Headline	Haji POKB sokong pendekatan Abdul Azeez		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	13	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	78 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,542
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,625



Haji: POKB sokong pendekatan Abdul Azeez

KUALA LUMPUR 17 Sept. - Persatuan Orang Kota Bharu (POKB) menyokong pendekatan Pengerusi Tabung Haji, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim yang tidak menggalakkan kesemua Ahli Lembaga Pengarahnya mengerjakan ibadah haji ketika ini.

Presidennya, Sheikh Ahmad Dusuki Sheikh Mohamad (gambar) berkata, keputu-



san ini penting bagi membolehkan seberapa ramai umat Islam negara ini memunaikan haji memandangkan kuota haji yang diberikan oleh Kerajaan Arab Saudi amat terhad.

“POKB yakin pendekatan komprehensif ini akan membantu memberi impak lebih berkesan terhadap gerak kerja yang diaturkan oleh Tabung Haji bagi memberi keselesaan optimum kepada jemaah dengan Pengerusi sendiri memantau operasi di bilik gerakan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Mengulas langkah terbaru Tabung Haji itu yang tidak menggalakkan Ahli Lembaga Pengarahnya ke Mekah, beliau berkata, POKB mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang telah membuat keputusan tepat dengan melantik Abdul Azeez sebagai Pengerusi Tabung Haji.